

PERBARISAN BULANAN PEGAWAI WARAN PANGKALAN DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2299-perbarisan-bulanan-pegawai-waran-pangkalan-di-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 18 Ogos 17 - Perbarisan Bulanan Pegawai Waran Pangkalan telah diadakan di Padang Kawad Pangkalan Udara Gong Kedak. Seramai 400 Anggota Lain-lain Pangkat yang diketuai, PW U I Mohd Azahazrin bin Azahari telah menghadiri perbarisan ini.

Pegawai Waran Pangkalan, PW U I Mohd Razali bin Mat Yaakob telah menyampaikan 3 perkara iaitu yang pertama tentang penyalahgunaan dadah, penyalahgunaan racun terkawal, bahan psikotropik dan aktiviti menhiru gam yang disenaraikan dalam perintah tetap pangkalan perintah no 43, 43A dan 4 kerana iannya boleh memberi kesan yang memudaratkan kepada diri dan perkhidmatan. Perkara kedua, langkah-langkah keselamatan jalanraya samada kenderaan persendirian atau kenderaan tentera serta mengikut undang-undang jalanraya yang telah ditetapkan dan yang ketiga memantau kegiatan vandalisme dikalangan anak-anak anggota supaya tidak melakukan kerosakan terhadap kemudahan yang disediakan oleh pangkalan.

Turut diadakan pemeriksaan Pakaian Istiadat (No 1 Dress) anggota yang mempunyai masalah pakaian dan aksesori supaya tidak berlaku masalah jika ada sebarang aktiviti perbarisan kelak. Selepas selesai majlis tersebut, pemeriksaan Full Kit Inspection telah dijalankan oleh Cawang Material Pangkalan bertujuan untuk memastikan anggota pangkalan dibekalkan dengan pakaian seragam serta aksesori yang mencukupi dan terkini mengikut skala yang dikeluarkan dan memastikan pakaian dan peralatan yang diberikan masih boleh digunakan oleh setiap anggota pangkalan.



